

TARIKH	7 / 8 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	24	RUANGAN	Setempat

Oleh Ikbal Salam



# Peluang urus pusaka di Aidilfitri

**S**aya menerima beberapa permintaan untuk menguruskan mesyuarat ahli waris pada awal Aidilfitri atas alasan itulah saja waktunya mereka dapat berkumpul pada jumlah yang ramai.

Memang benarlah cuti Aidilfitri memberikan ruang dan peluang kepada keluarga menyelesaikan masalah harta pusaka yang tertangguh sejak lama.

Bukan sedikit keluarga yang cuba mengadakan perbincangan pusaka tetapi berakhir dengan bertegang urat dan bermasam muka.

Kematian seseorang disayangi seperti ibu bapa atau suami isteri boleh menjadi satu permuatan kepada persengketaan yang panjang antara adik-beradik atau ahli waris yang lain.

Pertelingkahan berlarutan kepada beberapa generasi akhirnya memporak-perandakan keluarga dan memecah-belah ahli waris kepada beberapa kumpulan.

Banyak juga kes anak ketika hayat ibu bapa kelihafannya begitu patuh terhadap pesanan ibu bapa menjaga hubungan silaturahim adik-beradik.

Tetapi, sebaik saja ibu atau bapa meninggal dunia perubahan sikap anak mula terserlah disebabkan

banyak faktor antaranya penyusutan keadaan kewangan ahli waris, hasilan penasihat yang tidak jujur dan lunturnya perasaan takut atau hormat memandangkan kini ibu bapa sudah tiada.

Harta pusaka adalah harta peringgalan si mati yang mempunyai nilai pada pandangan syarak sama ada berbentuk harta alih atau harta tidak alih dan termasuk juga harta yang diusahakan oleh si mati pada hayatnya tetapi hasilnya diterima selepas kematiannya.

Hukum faraid pula ialah sistem pewarisan harta pusaka yang ditetapkan syarak iaitu harta yang ditinggalkan si mati akan diwarisi pewaris mengikut bahagian yang ditetapkan. Tanpa perancangan atau permuafakatan ahli waris, faraid wajib dilukti tanpa soal.

Hukum faraid bukanlah satu-satunya kaedah pembahagian harta pusaka dalam Islam. Bagaimanapun, umat Islam cenderung bersikap sambil lewa dalam merancang harta pusaka dan menerahkan secara total pembahagian harta mereka pada hukum faraid. Berikut adalah antara contoh golongan sasar yang perlu dipertimbangkan dalam pembahagian harta.

## Memberi anak angkat

Kelebihan memiliki harta yang banyak tidak semestinya diikuti dengan kesempurnaan menurun milikkan harta kepada mereka yang layak. Mereka yang layak pula sering kali melupakan atau buat-buat terlupa bahawa ada di antara mereka yang tidak layak menerima pusaka itu terkadang banyak jasanya dan terlalu rapat hubungan dengan si mati.

Anak angkat adalah satu daripadanya. Ramai dalam kalangan kita yang mengambil anak angkat sejak hari lahirnya. Begitupun, betapa dalam sekalipun rasa sayang itu anak angkat tetap tidak dapat mempusakai harta yang ditinggalkan ibu bapa angkatnya.

Dalam kes penurunan harta kepada anak angkat, adalah hampir mustahil untuk anak angkat itu menerima bahagian pusaka peringgalan ibu angkat mereka tanpa persetujuan anak kandung kepada ibu bapa angkat. Justeru, langkah baiknya jika setiap ibu bapa angkat dapat menyediakan satu suratcara hibah atau wasiat bagi memastikan hak anak angkat ini dapat terjamin selepas kematian ibu bapa angkat itu.

TARIKH	7 / 8 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	24	RUANGAN	Setempat

Islam tidak pernah mendiskriminasikan wanita dalam pembahagian harta. Bagi memastikan sumbangan isteri yang bersusah payah dengan suami bagi tempoh lama dapat dilindungi daripada dituntut oleh isteri muda atau anak daripada isteri muda itu, ada baiknya agar suami yang ingin berpoligami menyatakan dengan jelas hak isteri pertama melalui iqrar harta sepencarian atau suratca hibah.

Syarak menyediakan banyak instrumen yang boleh diaplikasikan bagi menghargai sumbangan isteri dalam perkahwinan.

Barangkali kedangkan kita dalam menggunakan kaedah itu-lah yang menyebabkan rancai isteri, khususnya isteri pertama teraniaya apabila berlakunya kematian suami.

### Harta penama

Oleh kerana proses pembahagian harta pusaka menuntut waktu yang panjang, Tabung Haji dan Kumpulan Wang Simpanan Perkerja menggunakan konsep penamaan harta dalam urusan pembahagian harta penyimpan-

yang meninggal dunia.

Rasionalnya, ia untuk memastikan kedua-dua akaun itu dapat dibahagikan kepada mereka yang layak secepat mungkin tanpa melalui proses perundungan harta pusaka apabila berlakunya kematian.

Sejak 1973, Majlis Hal Ehwal Agama Islam mengeluarkan fatwa yang menyatakan bahawa penama dalam suatu pemberian harta si mati akan bertindak sebagai pentadbir harta dan harta yang ditinggalkan dengan ada penamaan juga adalah sebahagian daripada harta pusaka si mati yang akan dibahagikan menurut faraid.

### Kematian berlapis

Antara cabaran paling besar bagi mereka berkempen dalam bidang harta pusaka adalah untuk menyélesaikan kes pusaka yang kematian berlapis-lapis.

Semakin banyak kematian, semakinlah ahli waris yang wujud sehingga keadaan lebih sukar di selesaikan akibat banyak ragam dan kerentahan manusia atau kesukaran untuk menyokong ahli waris yang layak itu.

Kes monopoli harta pusaka se-

hingga mewujudkan kematian berlapis seumpama ini seharusnya tidak berlaku kepada umat Islam memandangkan kita diajar akan azah yang bakal menimpa jika memakan harta anak yatim atau harta yang bukan milik kita.

Sebaliknya ada juga dalam kalangan kita yang mengambil sikap 'tak kuasa' atau tidak peduli untuk berpegang urat atau berparang merebutkan tanah pusaka lebih-lebih lagi perlu pula berhadapan dengan bapa saudara atau saudara sepupu yang terkenal dengan panas bantanya.

Bagi mengelak masalah kematian berlapis ini, umat Islam perlu membahagikan harta pusaka dengan segera selepas kematian si mati.

Percayalah, bertangguh dalam membahagikan pusaka memberi ruang kepada lebih banyak masalah pusaka pada masa depan.

Menguruskan harta dengan sempurna adalah keperluan kita. Adalah menjadi kerugian jika satu keperluan tidak dilaksanakan.

**Penulis seorang peguambela dan peguamcara  
ikbal@iksa.com**